

# PM mahu rakyat bersyukur dengan layanan yang sama

KUANTAN 7 Sept. —  
Perdana Menteri, Datuk  
Sri Dr. Mahathir Moha-  
mad, mengingatkan rakyat  
di negara ini, supaya ber-  
syukur kerana setiap kaum  
telah diberikan layanan  
yang sama untuk menikmati  
hasil pembangunan ke-  
merdekaan negara.

Berucap di majlis jamu-  
an makan malam, di peka-  
rangan rumah kediaman  
Menteri Besar di sini, ma-  
lam tadi, Datuk Sri Dr.  
Mahathir, mengakui se-  
hingga ini masih banyak la-  
gi projek - projek pemban-  
gunan yang diperlukan  
oleh rakyat.

Walaupun telah banyak  
pembangunan yang dilak-  
sanakan oleh kerajaan, un-  
tuk rakyat tapi permohon-  
an untuk mendapatkan  
projek - projek yang diper-  
lukan itu masih tetap ada  
dan ini membuktikan ra-  
kyat memahami nikmat ke-  
merdekaan ujaninya.

Bagaimanapun tegas be-  
liau, rakyat di negara ini  
harus bersyukur kerana  
mereka berjaya mendapat  
nikmat dari usaha kerajaan  
yang ada sekarang memba-  
ngunkan negara ini.

Kejayaan yang dialami  
oleh negara ini, menurut  
Datuk Sri Dr. Mahathir,  
jauh lebih baik jika diban-

dingkan dengan negara -  
negara lain yang telah mer-  
deka.

Segala kejayaan yang di-  
perolehi oleh negara kita,  
katanya, bukan datang  
dengan mudah atau semu-  
lajadi, tapi melalui usaha  
kerajaan dan rakyat sen-  
diri.

Sebelum merdeka dulu,  
menurut Perdana Menteri,  
purata pendapatan rakyat  
hanya \$300 saja sebulan,  
tapi setelah 30 tahun nega-  
ra ini merdeka pendapatan  
itu telah bertambah men-  
jadi \$2,000.

Kejayaan ini amat di-  
banggakan, tegas Datuk Sri  
Dr. Mahathir, jika diban-  
dingkan dengan sesetengah  
negara lain, yang telah  
merdeka, tapi rakyatnya  
bertambah derita.